

Yayasan Pintar, UKM iktiraf inisiatif hijau

SMK Simpang Kuala, Kedah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Akhir "Kemapanan dan Teknologi Hijau Pintar-UKM menerusi program Modul iG-Home" (iG-HOME) dengan projek mereka berdasarkan pengkomposan.

Tempat kedua dimenangi, SMK Paya Kamunting dan SMK Muadzam Shah mengambil tempat ketiga.

iG-HOME adalah program multidisiplin oleh Yayasan Pintar dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memupuk minat terhadap alam sekitar menerusi pelaksanaan sains dan teknologi.

Inisiatif dibiayai Yayasan Hasanah ini bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar, keluarga dan komuniti tempatan mengenai amalan pengeluaran dan penggunaan mesra alam.

Pertandingan terakhir menyaksikan enam sekolah teratas mengetengahkan projek unik mereka kepada panel hakim, terdiri daripada pensyarah dari UKM mengkhusus dalam pendidikan teknologi hijau.

Anugerah Penyampaian Terbaik kepada SMK Muadzam Shah dan Anugerah Khas kepada SMK Abdul Malik.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pintar, Tan Sri Arshad Ayub, gembira kerana sekolah menengah Pintar di Kedah dapat menyertai Program iG-HOME, sebuah projek dibiayai oleh Yayasan Hasanah.



Peserta program.

"Ia menandakan langkah penting dalam usaha berterusan Yayasan memberi peluang kepada pelajar sekolah-sekolah Pintar untuk meneroka bidang minat baharu tidak dapat diajar di dalam kelas.

"Tiga sekolah menengah menang anugerah utama contoh terbaik ketekunan, penentuan, komitmen dan perkongsian kuat pelajar, guru dan penasihat hasilkan produk inovatif, mesra alam," katanya.

Menurutnya, pihaknya percaya melalui persaingan ini, matlamat untuk membangunkan lebih banyak idea hebat menangani isu perubahan iklim secara inovatif melalui prisma industri pembinaan dapat dicapai.

Beliau berkata, proses pembelajaran eksperimen ini juga merupakan pendekatan menyeluruh untuk membangunkan lagi pelajar Malaysia, sejajar dengan misi Yayasan Pintar.

"Kita berusaha memupuk generasi masa depan yang kreatif kerana mereka berpengetahuan, dengan rasa tanggungjawab sosial dan integriti moral yang tinggi.

"Dengan geran Yayasan Hasanah RM260,000, kami menghasilkan dua buku - Teori iG-HOME Inovasi Rumah Lestari dan Aktiviti iG-HOME Inovasi Rumah Lestari, digunakan sepanjang tempoh program oleh 1,200 pelajar dan 60 guru di 30 sekolah menengah di Kedah," kata Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali.